

Teroka hubungan dua hala UMS, Romania

Mampu direalisasikan dengan mengambil kira wujud beberapa persamaan kedua-dua pihak

UB 11.07.2023 P.02

KOTA KINABALU: Duta Besar Romania ke Malaysia dan Brunei Darussalam, Nineta Barbulescu berhasrat untuk meneroka potensi jalinan hubungan dua hala antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan universiti-universiti di Romania.

Katanya, beliau optimis bahawa kolaboratif antara universiti di Malaysia khususnya UMS bersama universiti yang terdapat di Romania mampu direalisasikan dengan mengambil kira wujud beberapa persamaan yang boleh dijadikan sebagai permulaan kepada hubungan yang bakal dibina.

“Sebagai contoh, di Romania kita ada sejenis skaf yang dipanggil batik, dan secara kebetulan, di Malaysia juga skaf ini diperbuat daripada kain batik.

“Persamaan ini sungguh unik apabila saya pertama kali sampai ke Malaysia dan saya membeli dan memegang sendiri kain batik yang memang ada persamaannya,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena sesi kunjungan Duta



ALBUM: Nineta merakamkan gambar bersama Shahril dan pegawai-pegawai kanan UMS selepas sesi taklimat.

Besar Romania ke UMS.

Nineta yang ditemani oleh suaminya, Dan Barbulescu disambut oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Profesor Dr Shahril Yusof bersama-sama Dekan-Dekan Fakulti dan Pengarah-Pengarah Pusat UMS.

Nineta yang dilantik sebagai Duta Besar Romania pada bulan Mac 2021 turut memaklumkan bahawa UMS adalah universiti awam yang ke 16 dilawatnya.

“Ini merupakan lawatan kali kedua saya ke negeri Sabah, dan kali pertama ke UMS.

“Kesemua universiti awam

di Malaysia yang saya lawati sememangnya mempesona dan memiliki keunikan yang tersendiri, termasuk UMS yang mempunyai kelainan yang ketara kerana merupakan satu-satunya universiti awam yang berpusat di Sabah,” katanya.

Beliau menambah, keindahan flora dan fauna, biodiversiti yang masih kukuh terpelihara dan sumber marinnya yang sangat kaya dan belum terusik menyebabkan beliau berminat untuk memadankan UMS dengan universiti-universiti di Romania.

“Bahasa Romania dan Bahasa Melayu juga dari segi linguistiknya adalah memiliki

fonetik atau selok-belok bunyi bahasa yang hampir serupa, kerana bahasa Romania berasal dari rumpun bahasa Romawi.

“Terdapat beberapa lagi persamaan lain yang jika diteroka dengan lebih mendalam akan mewujudkan peluang yang baik untuk diselidik dengan lebih terperinci menerusi kolaboratif antara universiti yang bakal berlangsung kelak,” katanya.

Nineta turut menyatakan keyakinannya bahawa kolaboratif yang bakal dirintis itu juga akan membuka peluang kepada lebih ramai penyelidik tempatan khususnya dalam kalangan

pelajar pascasiswazah untuk menimba ilmu merentasi benua Eropah.

“Antara aktiviti yang diusulkan adalah seperti mobiliti pertukaran pelajar, kajian penyelidikan, gabungan kepakaran antara UMS dan universiti di Romania, program pembelajaran secara dalam talian dan lain-lain lagi,” ujar beliau.

Pada sesi kunjungan tersebut, Nineta diberikan taklimat ringkas berkenaan UMS yang disampaikan oleh Shahril, serta turut juga dibawa melawat sekitar UMS bagi menyaksikan sendiri keindahan panorama kampus UMS.